

# ENAKMEN HUTAN (KAYU) 2015

## SUSUNAN SEKSYEN

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### *Seksyen*

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

### BAHAGIAN II

#### FUNGSI DAN KUASA

3. Fungsi dan kuasa Pengarah
4. Kuasa perwakilan

### BAHAGIAN III

#### PERATURAN PERINDUSTRIAN KAYU

5. Larangan terhadap menjalankan aktiviti tanpa pendaftaran
6. Permohonan pendaftaran
7. Pendaftaran dan penolakan pendaftaran
8. Kuasa untuk mengenakan syarat tambahan atau mengubah syarat
9. Pembaharuan pendaftaran
10. Pembatalan pendaftaran
11. Daftar
12. Kewajipan untuk mengisytiharkan
13. Anggapan tentang eksport

### BAHAGIAN IV

#### PENGUATKUASAAN

14. Pelantikan pegawai penguat kuasa
15. Kuasa penyiasatan
16. Kad kuasa
17. Kuasa menangkap
18. Pengegedahan dan penyitaan dengan waran
19. Pengegedahan dan penyitaan tanpa waran
20. Kuasa untuk memasuki premis atau pengangkut

(ii)

*Seksyen*

21. Capaian kepada data berkomputer
22. Kuasa untuk memberhentikan, memeriksa dan menyita pengangkut
23. Senarai kayu, jentera, peralatan, dsb., yang disita
24. Pemulangan sementara pengangkut, dsb., yang disita
25. Penjualan dan pelupusan kayu yang disita
26. Pelepasan kayu, dsb., yang disita
27. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
28. Kos memegang kayu, dsb., yang disita
29. Halangan
30. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
31. Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
32. Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan
33. Pelucuthakan kayu, dsb., yang disita
34. Hak harta mengenai kayu, dsb., yang dilucuthakkan
35. Pegawai penguat kuasa boleh mendapatkan bantuan untuk memeriksa benda yang berkaitan dengan kesalahan
36. Kuasa untuk mengambil sampel
37. Kuasa Pengarah untuk menghendaki maklumat mengenai kayu, dsb.
38. Kuasa tambahan
39. Pelantikan juruanalisis
40. Perakuan analisis

BAHAGIAN V

PELBAGAI


41. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
42. Penalti am
43. Pengkompaunan kesalahan
44. Pendakwaan
45. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang
46. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
47. Perlindungan pemberi maklumat
48. Ganjaran kepada pemberi maklumat
49. Kuasa untuk mengecualikan
50. Peraturan-peraturan
51. Pindaan Jadual

BAHAGIAN VI

KECUALIAN DAN PERALIHAN

52. Kecualian dan peralihan

JADUAL



## NEGERI SABAH

Saya memperkenankan,

LS

TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR  
HAJI MAHIRUDDIN,  
*Yang di-Pertua Negeri.*

30 APRIL, 2015.

### No. 2 Tahun 2015

Suatu Enakmen untuk memperuntukkan pendaftaran bagi aktiviti yang berhubungan dengan perindustrian kayu di Negeri Sabah dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Sabah seperti berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

- (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Hutan (Kayu) 2015.
- (2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Enakmen ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain –

“eksport” ertinya membawa atau menyebabkan dibawa keluar dari Sabah melalui darat, laut atau udara atau meletakkan apa-apa kayu dalam suatu vesel, baj, pengangkut atau pesawat udara bagi maksud supaya kayu itu dibawa keluar dari Sabah melalui darat, laut atau udara;

“import” ertinya membawa atau menyebabkan dibawa apa-apa kayu ke dalam Sabah melalui darat, laut atau udara tetapi tidak termasuk transit kayu dan pemindahan kayu ke pengangkut lain dengan suci hati;

“jeti” ertinya mana-mana kawasan atau tempat, sama ada di atas tanah atau laut, yang darinya kayu boleh dipindahkan secara terus untuk dikapalkan, atau untuk menerima atau memunggah kayu yang diimport;

“kayu” ertinya keluaran atau mana-mana daripada keluaran yang disenaraikan dalam Jadual;

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Negeri Sabah;

“lesen”, berhubung dengan pengeksportan atau pengimportan kayu, ertinya suatu perakuan kelulusan yang dikeluarkan oleh Pengarah;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sumber asli;

“pegawai hutan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen Hutan 1968 [*No. 2 tahun 1968*];

“pegawai kastam yang hak” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];

“pembekal” ertinya seseorang yang membekalkan kayu bagi maksud eksport;

“Pengarah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen Hutan 1968;

“pengeksporth” ertinya seseorang yang mengeksport kayu;

“pengendali jeti” ertinya seseorang yang mengendalikan sesuatu jeti yang terlibat dalam apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan pengeksportan atau pengimportan kayu;

“pengimport” ertinya seseorang yang mengimport kayu;

“perindustrian kayu” ertinya apa-apa aktiviti yang melibatkan perdagangan, pemprosesan, pengilangan dan pengeluaran kayu;

“premis”, berhubung dengan kayu, ertinya mana-mana tempat, sama ada terbuka atau tertutup atau sama ada di atas tanah atau laut atau sama ada boleh alih atau tak boleh alih dan termasuklah mana-mana rumah, kilang, kedai, stor, bilik, balai, bangsal, kontena, jeti, yad, estet, ladang, gudang, pelabuhan atau lapangan terbang.

## BAHAGIAN II FUNGSI DAN KUASA

### **Fungsi dan kuasa Pengarah**

3. Pengarah hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut:
  - (a) untuk melaksanakan kawalan dan memantau eksport dan import kayu;
  - (b) untuk mengumpul maklumat dan menyenggara rekod bagi segala perkara berkaitan yang berhubungan dengan perindustrian kayu;
  - (c) untuk menjalankan penyelidikan, kajian semula dan penyiasatan, yang berfaedah kepada atau sesuai dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya;
  - (d) untuk mengeluarkan lesen, perakuan dan kelulusan berkenaan dengan perindustrian kayu;
  - (e) untuk menyimpan dan menyenggara daftar;
  - (f) untuk mengenakan fi atau caj; dan
  - (g) untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat dan perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasanya di bawah Enakmen ini.

**Kuasa perwakilan**

4. (1) Pengarah boleh secara bertulis mewakilkan apa-apa fungsi atau kuasanya tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut, kepada mana-mana pegawai hutan, dan orang yang kepadanya fungsi atau kuasa diwakilkan hendaklah melaksanakan fungsi atau kuasa itu sama cara dan dengan kesan yang sama seolah-olah fungsi atau kuasa itu diberikan kepadanya di bawah Enakmen ini.

(2) Seseorang yang dikatakan bertindak menurut perwakilan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah, jika tiada bukti yang berlawanan, dianggap bertindak mengikut terma perwakilan.

(3) Perwakilan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Pengarah.

(4) Perwakilan yang dibuat di bawah seksyen ini tidak menghalang Pengarah sendiri daripada menjalankan pada bila-bila masa fungsi atau kuasa yang diwakilkan.

**BAHAGIAN III****PERATURAN PERINDUSTRIAN KAYU****Larangan terhadap menjalankan aktiviti tanpa pendaftaran**

5. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti berhubung dengan perindustrian kayu sebagai –

- (a) pengeksport;
- (b) pengimport;
- (c) pembekal; atau
- (d) pengendali jeti,

melainkan jika dia telah didaftarkan mengikut Enakmen ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Permohonan pendaftaran**

6. (1) Suatu permohonan bagi pendaftaran di bawah Enakmen ini hendaklah dibuat kepada Pengarah mengikut cara yang ditetapkan.

(2) Setiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan, dan apa-apa dokumen dan maklumat yang dinyatakan oleh Pengarah.

(3) Pengarah boleh, secara bertulis, pada bila-bila masa selepas suatu permohonan diterima di bawah subseksyen (1), meminta kepada pemohon untuk memberikan kepada Pengarah dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu, maklumat tambahan, butir-butir atau dokumen bagi permohonan itu.

(4) Jika mana-mana maklumat tambahan, butir-butir atau dokumen yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) tidak diberikan oleh pemohon bagi suatu tempoh yang dinyatakan dalam permohonan atau apa-apa masa tambahan yang diberikan oleh Pengarah, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai dibatalkan dan hendaklah tidak boleh diteruskan lagi, tetapi tanpa menjejaskan hak pemohon untuk membuat suatu permohonan baru.

### **Pendaftaran dan penolakan pendaftaran**

7. (1) Setelah menerima permohonan yang dibuat di bawah seksyen 6 dan selepas memberikan pertimbangan sewajarnya, Pengarah boleh –

(a) mendaftarkan pemohon dan mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran kepada pemohon dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengarah; atau

(b) menolak permohonan itu.

(2) Perakuan pendaftaran boleh dikeluarkan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pengarah untuk dikenakan.

(3) Jika Pengarah menolak untuk mendaftarkan permohonan menurut subseksyen (1), dia hendaklah memaklumkan pemohon dengan notis bertulis bahawa permohonannya telah ditolak dan alasan ke atas penolakan itu.

(4) Tiap-Tiap pendaftaran di bawah seksyen ini hendaklah sah bagi tempoh satu tahun, atau suatu tempoh yang lebih panjang tetapi tidak melebihi lima tahun sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah, dari tarikh pendaftaran dan boleh dibaharui, melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu di bawah seksyen 10, mengikut budi bicara Pengarah bagi tempoh selanjutnya yang tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi lima tahun sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pengarah.

(5) Tiada seorang pun yang bukannya seorang yang diperbadankan boleh didaftarkan di bawah seksyen ini melainkan jika ada berkenaan dengan perniagaannya suatu perakuan pendaftaran perniagaan yang sah yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia yang berhubungan dengan pendaftaran perniagaan.

(6) Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan perindustrian kayu tanpa didaftarkan menurut perenggan (1) (a) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Kuasa untuk mengenakan syarat tambahan atau mengubah syarat**

8. Pengarah boleh, pada bila-bila masa –

- (a) mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas pendaftaran perindustrian kayu; atau
- (b) mengubah mana-mana syarat yang dikenakan ke atas pendaftaran perindustrian kayu.

### **Pembaharuan pendaftaran**

9. (1) Mana-mana orang berdaftar boleh membuat permohonan untuk memperbaharui suatu pendaftaran tidak lewat daripada enam puluh hari sebelum tarikh habis tempoh pendaftaran dengan cara dan bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi pembaharuan yang ditetapkan dan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh Pengarah, tetapi tiada permohonan bagi pembaharuan boleh dibenarkan apabila permohonan dibuat selepas tarikh habis tempoh pendaftaran itu.



(2) Apabila memperbaharui pendaftaran, Pengarah boleh mengubah syarat-syarat yang dikenakan ke atas pengeluaran perakuan pendaftaran atau mengenakan syarat-syarat tambahan.

(3) Pengarah boleh menolak untuk memperbaharui suatu pendaftaran jika orang berdaftar itu –

- (a) telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini;
- (b) telah memungkiri mana-mana syarat dalam perakuan pendaftaran; atau
- (c) telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.

(4) Jika Pengarah menolak untuk memperbaharui pendaftaran dalam subseksyen (3), dia hendaklah memaklumkan orang berdaftar itu dengan notis bertulis bahawa permohonan pembaharuannya telah ditolak dan alasan ke atas penolakan itu.

### **Pembatalan pendaftaran**

10. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Pengarah boleh membatalkan pendaftaran orang berdaftar yang –

- (a) telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini;
- (b) telah memungkiri mana-mana syarat dalam perakuan pendaftaran;
- (c) telah memberikan representasi salah yang mempengaruhi pendaftaran; atau
- (d) telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.

(2) Sebelum pembatalan pendaftaran di bawah subseksyen (1), Pengarah boleh, dengan notis bertulis, memberikan peluang kepada orang berdaftar itu untuk menunjuk sebab terhadap pembatalan itu.

(3) Jika pendaftaran orang berdaftar dibatalkan, Pengarah hendaklah mengeluarkan notis pembatalan pendaftaran kepada orang berdaftar itu.

(4) Seseorang yang pendaftarannya telah dibatalkan tidak berhak kepada apa-apa pampasan bagi apa-apa kerugian yang disebabkan kepadanya oleh pembatalan itu dan tidak berhak kepada apa-apa bayaran balik fi pendaftaran yang ditetapkan yang telah dibayar.

(5) Seseorang yang pendaftarannya telah dibatalkan dan berterusan menjalankan mana-mana aktiviti perindustrian kayu selepas itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

## **Daftar**

**11.** Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggara daftar berhubungan dengan pendaftaran di bawah seksyen 6 dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah.

## **Kewajipan untuk mengisytiharkan**

**12.** (1) Seseorang pengeksport atau pengimport hendaklah membuat suatu pengisytiharan kepada Pengarah berkenaan dengan kayu yang akan dieksport atau diimport, sebelum pengeksportan atau pengimportan kayu itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

## **Anggapan tentang eksport**

**13.** Berhubung dengan eksport, kayu hendaklah disifatkan dibawa atau menyebabkan dibawa keluar dari Sabah jika –

- (a) suatu lesen atau pemerakuan untuk pengekpportannya telah dikeluarkan oleh Pengarah;
- (b) ia telah dilepaskan oleh pegawai kastam yang hak di stesen kastam yang terakhir dalam laluan nya keluar dari Sabah;
- (c) ia telah dimuatkan ke dalam suatu vesel atau pesawat udara yang hampir berlepas dari suatu pelabuhan atau jeti di Sabah; atau
- (d) ia telah dilepaskan oleh pegawai kastam yang hak di depoh pelepasan dalam negeri atau di stesen kastam dalam negeri dalam laluan nya keluar dari Sabah melalui suatu pelabuhan atau lapangan terbang.

#### BAHAGIAN IV

#### PENGUATKUASAAN

##### **Pelantikan pegawai penguat kuasa**

14. Pengarah boleh secara bertulis melantik apa-apa bilangan pegawai penguat kuasa yang perlu bagi maksud Enakmen ini.

##### **Kuasa penyiasatan**

15. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, diisytiharkan bahawa bagi maksud Enakmen ini, pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala atau mana-mana kuasa seorang pegawai polis tidak kira apa jua pangkat berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh ditangkap sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], dan kuasa itu adalah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini dan bukan pengurangan baginya.

##### **Kad kuasa**

16. (1) Pengarah hendaklah mengeluarkan kepada setiap pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah seksyen 14 suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Pengarah.

(2) Bilamana pegawai penguat kuasa menjalankan mana-mana kuasa penguatkuasaan di bawah Enakmen ini, dia hendaklah, apabila diminta, menunjukkan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

### **Kuasa menangkap**

17. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia percaya dengan munasabah telah melakukan atau cuba untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

(2) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat tangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah tanpa kelengahan yang tidak perlu menyerahkan orang yang ditangkap sedemikian kepada pegawai polis yang paling hampir atau, jika tiada pegawai polis, membawa orang itu ke balai polis yang paling hampir, dan selepas itu orang itu hendaklah diperlakukan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa seolah-olah dia ditangkap oleh seorang pegawai polis.

### **Penggeledahan dan penyitaan dengan waran**

18. (1) Jika ternyata pada mahkamah, atas maklumat bersumpah bertulis daripada pegawai penguat kuasa dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang didapati perlu oleh mahkamah, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa –

- (a) mana-mana premis atau pengangkut telah digunakan atau akan digunakan bagi; atau
- (b) ada di dalam mana-mana premis atau pengangkut keterangan yang perlu untuk menjalankan suatu penyiasatan mengenai,

pelakuan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, mahkamah boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa pegawai penguat kuasa yang dinamakan dalam waran itu pada bila-bila masa yang munasabah pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan, untuk memasuki premis atau pengangkut itu dan jika perlu dengan menggunakan kekerasan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), waran yang dikeluarkan oleh mahkamah boleh memberi kuasa kepada pegawai penguat kuasa untuk –

- (a) menggeledah premis atau pengangkut itu bagi, dan untuk menyita atau mengalihkan dari premis itu mana-mana kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu;
- (b) mengambil sampel mana-mana kayu, atau benda yang dijumpai dalam premis atau pengangkut itu bagi maksud menentukan, melalui pengujian atau selainnya, sama ada kesalahan itu telah dilakukan; dan
- (c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang dijumpai di dalam premis atau pengangkut itu.

(3) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memasuki mana-mana premis atau pengangkut di bawah seksyen ini boleh membawa bersama-samanya mana-mana orang lain dan kelengkapan yang didapatinya perlu.

(4) Seseorang pegawai penguat kuasa yang menjalankan penggeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, bagi maksud menyiasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau dipremis atau pengangkut itu.

(5) Tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang lain yang sama jantina, dan pemeriksaan sedemikian hendaklah dijalankan dengan penuh kesopanan.

(6) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu untuk berbuat demikian –

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam premis itu atau mana-mana pagar, kepungan, pintu pagar atau galangan lain kepada premis itu, untuk masuk ke dalam premis itu;
- (b) memindahkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan atau pemindahan sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya di bawah seksyen ini; dan

- (c) menahan mana-mana orang yang dijumpai di dalam premis atau pengangkut itu sehingga penggeledahan itu selesai.

(7) Jika, atas sebab sifat, saiz atau jumlahnya, tidak boleh dilaksanakan pengalihan apa-apa kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita di bawah seksyen ini, pegawai penguat kuasa hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu di dalam premis atau pengangkut yang di dalamnya ia dijumpai.

(8) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (7) atau mengalihkan mana-mana kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang telah dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran**

19. Jika seseorang pegawai penguat kuasa berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen 18 penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan mungkin diganggu, dialihkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai penguat kuasa itu boleh memasuki premis atau pengangkut itu dan menjalankan di dalam, pada dan berkenaan dengan premis atau pengangkut itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 18 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia telah diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

### **Kuasa untuk memasuki premis atau pengangkut**

20. Seseorang pegawai penguat kuasa boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis atau pengangkut bagi tujuan –

- (a) memeriksa apa-apa kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain sebagaimana yang difikirkannya perlu;
- (b) mengesahkan ketepatan rekod atau pernyataan atau apa-apa maklumat yang diberikan kepada pegawai penguat kuasa; atau
- (c) memungut sampel apa-apa kayu.

### **Capaian kepada data berkomputer**

21. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang menjalankan suatu penggeledahan di bawah Enakmen ini hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada yang disimpan dalam suatu komputer atau sebaliknya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, "capaian" termasuk diberikan kata laluan, kod enskripsi, kod deskripsi, perisian atau perkakasan atau kaedah lain yang diperlukan untuk membolehkan pemahaman data berkomputer.

### **Kuasa untuk memberhentikan, memeriksa dan menyita pengangkut**

22. (1) Jika seseorang pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana pengangkut sedang membawa apa-apa kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau apa-apa benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Enakmen ini sedang atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa pengangkut itu dan boleh, jika atas pemeriksaan dia mempunyai sebab yang munasabah untuk dipercayai bahawa pengangkut itu sedang atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, menyita pengangkut itu dan apa-apa kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang dijumpai dalam pengangkut itu yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu hendaklah, jika dikehendaki untuk berbuat demikian oleh pegawai penguat kuasa –

- (a) memberhentikan pengangkut itu dan membenarkan pegawai penguat kuasa memeriksanya; dan

- (b) membuka semua bahagian pengangkut itu untuk diperiksa dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan perjalanan pemeriksaan itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai penguat kuasa.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Senarai kayu, jentera, peralatan, dsb., yang disita**

23. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika mana-mana kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita menurut Enakmen ini, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu –

(a) hendaklah menyediakan –

- (i) suatu senarai kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita dan hendaklah menandatangani senarai itu; dan
- (ii) suatu notis bertulis mengenai penyitaan itu yang mengandungi alasan bagi penyitaan dan hendaklah menandatangani notis itu; dan

(b) hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyampaikan suatu salinan senarai kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita dan notis bertulis mengenai penyitaan itu kepada penghuni premis atau orang yang mengawal atau menjaga pengangkut yang telah digeledah.

(2) Notis bertulis mengenai penyitaan itu tidak dikehendaki untuk disampaikan menurut perenggan (1)(b) jika penyitaan itu dibuat dengan kehadiran orang yang terhadapnya prosiding di bawah Enakmen ini diniatkan akan diambil, atau dengan kehadiran pemunya harta itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.



(3) Jika premis itu tidak berpenghuni, pegawai penguat kuasa hendaklah menampalkan senarai kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Jika penyitaan dibuat oleh pegawai penguat kuasa dan pemunya kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita itu tidak diketahui, Pengarah boleh menyiarkan senarai kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita itu dengan apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Pengarah.

### **Pemulangan sementara pengangkut, dsb., yang disita**

24. (1) Jika mana-mana pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan disita di bawah Enakmen ini, Pengarah boleh buat sementara memulangkan pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada pemunya pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu atau orang yang dari milikan, jagaan atau kawalannya ia disita, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Pengarah, dan tertakluk dalam mana-mana hal, kepada jaminan yang mencukupi diberikan sehingga memuaskan hati Pengarah bahawa pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu akan diserahkan balik kepada Pengarah apabila diminta dan bahawa terma dan syarat itu, jika ada, akan dipatuhi.

(2) Jika apa-apa pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan yang disita dipulangkan buat sementara di bawah subseksyen (1), seseorang yang –

(a) tidak menyerahkan balik pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada Pengarah apabila diminta; atau

(b) melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Penjualan dan pelupusan kayu yang disita**

25. (1) Pengarah boleh pada bila-bila masa mengarahkan bahawa mana-mana kayu yang disita di bawah Enakmen ini dijual dan hasil penjualan itu dipegang sementara menunggu keputusan apa-apa pendakwaan di bawah Enakmen ini jika –

- (a) kayu itu mudah merosot kualitasnya;
- (b) penjagaan kayu itu melibatkan perbelanjaan yang tidak munasabah dan kesusahan;
- (c) terdapat kekurangan atau ketiadaan kemudahan yang mencukupi atau sesuai untuk menyimpan kayu itu; atau
- (d) kayu itu dipercayai menyebabkan halangan atau berbahaya kepada orang awam.

(2) Pengarah boleh, menurut budi bicaranya –

- (a) memulangkan untuk sementara kayu itu kepada pemunya atau orang yang dari milikan, jagaan atau kawalannya kayu itu disita, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Pengarah dan dalam apa-apa hal, tertakluk kepada jaminan yang mencukupi diberikan sehingga memuaskan hati Pengarah bahawa kayu itu akan diserahkan balik kepada Pengarah apabila diminta dan bahawa terma dan syarat tersebut, jika ada, adalah dipatuhi;
- (b) memulangkan kayu itu kepada pemunya atau orang yang dari milikan, jagaan atau kawalannya kayu itu disita dengan kebebasan bagi orang yang kepadanya kayu itu dipulangkan untuk dilupuskannya, pemulangan itu yang tertakluk kepada jaminan diberikan sehingga memuaskan hati Pengarah dalam amaun tidak kurang daripada amaun yang pada pendapat Pengarah, merupakan nilai pasaran terbuka kayu itu pada tarikh yang kayu itu dipulangkan bagi pembayaran amaun yang dijamin itu kepada Pengarah sekiranya mahkamah membuat suatu perintah bagi pelucuthakan amaun itu di bawah seksyen 33.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang juruanalisis yang dilantik di bawah seksyen 39 memperakui, atau jika keputusan apa-apa ujian sebagaimana yang diperakui oleh seseorang juruanalisis membuktikan, bahawa kayu yang diujinya itu merosot dari segi kualiti, Pengarah boleh menyimpannya dalam jagaan, atau jika tiada pendakwaan dimulakan berkenaan dengan kayu itu, menyebabkan kayu itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Pengarah.

### **Pelepasan kayu, dsb., yang disita**

26. (1) Jika mana-mana kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain telah disita di bawah Enakmen ini, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu, boleh pada bila-bila masa selepas itu melepaskan kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu kepada orang yang diputuskannya sebagai berhak secara sah kepadanya, jika kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu tidak boleh dilucuthakkan di bawah Enakmen ini, dan tidak dikehendaki selainnya bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, dan dalam hal sedemikian pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu, atau Kerajaan tidak boleh dikenakan apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu telah dibuat dengan suci hati.

(2) Suatu rekod bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai penguat kuasa yang membuat pelepasan kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang dilepaskan di bawah subseksyen (1) yang menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan itu.

### **Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapati**

27. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita dalam menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Enakmen ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

### **Kos memegang kayu, dsb., yang disita**

28. Jika apa-apa kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita di bawah Enakmen ini dipegang dalam jagaan Pengarah sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, kos bagi memegang dalam jagaan hendaklah, tanpa mengira sama ada apa-apa pendakwaan dimulakan atau selainnya terhadap mana-mana orang, menjadi hutang sivil yang kena dibayar oleh orang itu kepada Kerajaan dan bolehlah didapati dengan sewajarnya.

### **Halangan**

29. Mana-mana orang yang –

- (a) enggan memberi mana-mana pegawai penguat kuasa akses kepada mana-mana premis atau pengangkut yang pegawai penguat kuasa itu berhak kepadanya di bawah Enakmen ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Enakmen ini;
- (b) mengamang, menghalang, menggalang, menahan atau melengahkan mana-mana pegawai penguat kuasa dalam membuat apa-apa kemasukan yang pegawai penguat kuasa itu berhak membuatnya di bawah Enakmen ini, atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Enakmen ini; atau

- (c) enggan memberi mana-mana pegawai penguat kuasa apa-apa maklumat yang berhubungan dengan suatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Enakmen ini atau apa-apa maklumat lain yang boleh dikehendaki secara munasabah daripadanya dan yang ada dalam pengetahuan atau kuasanya untuk memberikannya,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**

30. (1) Seorang pegawai penguat kuasa yang menjalankan penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh, melalui perintah bertulis, menghendaki kehadiran di hadapannya mana-mana orang yang pada pendapat pegawai penguat kuasa itu mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.

(2) Jika mana-mana orang enggan atau tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian, pegawai penguat kuasa itu boleh melaporkan keengganan atau ketidakhadiran itu kepada mahkamah yang hendaklah mengeluarkan suatu saman untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1).

### **Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**

31. (1) Seorang pegawai penguat kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh pegawai penguat kuasa itu, tetapi orang itu boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan atau tidak.

(4) Pegawai penguat kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan dalam subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dibuatnya dan selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

### **Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan**

**32.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seorang pegawai penguat kuasa dalam perjalanan suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Enakmen ini boleh digunakan sebagai keterangan.

(2) Apabila mana-mana saksi dipanggil bagi pihak pendakwaan atau pembelaan, selain tertuduh, mahkamah hendaklah, atas permintaan tertuduh atau pendakwa, merujuk kepada apa-apa pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada pegawai penguat kuasa dalam perjalanan penyiasatan di bawah Enakmen ini dan boleh kemudian, jika difikirkan patut oleh mahkamah demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberikan suatu salinan pernyataan itu dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

(3) Jika tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa perjalanan suatu penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan untuk menyokong pembelaannya semasa perjalanan perbicaraan.

(4) Tiada apa jua dalam seksyen ini hendaklah disifatkan terpakai bagi apa-apa pernyataan yang dibuat dalam perjalanan perbarisan cam atau

termasuk dalam seksyen 27 atau perenggan 32(1)(a),(i) dan (j) Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas apa-apa kesalahan yang berhubung dengan pembuatan atau kandungan apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya kepada pegawai penguat kuasa dalam penjalanan suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Enakmen ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pendakwaan.

### **Pelucuthakan kayu, dsb., yang disita**

33. (1) Mana-mana kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Enakmen ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan dan bahawa kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu merupakan hal perkara bagi atau digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita di bawah Enakmen ini, kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis ke alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu disita yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan berkenaan dengan kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan,

kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain melainkan jika sebelum tamat tempoh itu suatu tuntutan baginya dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5), (6) dan (7).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu tidak boleh dilucuthakkan boleh dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada pegawai penguat kuasa yang dalam miliknya kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu dipegang bahawa dia menuntut kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu.

(5) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, pegawai penguat kuasa hendaklah merujukkan perkara itu kepada Pengarah yang boleh mengarahkan supaya kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu dilepaskan atau boleh mengarahkan pegawai penguat kuasa supaya merujukkan perkara itu kepada mahkamah.

(6) Mahkamah yang kepadanya sesuatu perkara dirujukkan di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu dan orang yang daripadanya kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu disita hadir di hadapan mahkamah, dan apabila pemunya kayu itu hadir atau tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, mahkamah hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(7) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan dan bahawa kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut,



jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (6) merupakan hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, mahkamah hendaklah memerintahkan supaya kayu atau hasil penjualan kayu itu atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(8) Mana-mana kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pengarah.

(9) Pengarah tidak bertanggung kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, tidak kira bagaimana sekalipun berlaku, dalam kualiti kayu yang disita di bawah Enakmen ini.

#### **Hak harta mengenai kayu, dsb., yang dilucuthakkan**

34. Mana-mana kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang dilucuthakkan atau diambil dan disifatkan terlucut hak di bawah Enakmen ini hendaklah menjadi harta Kerajaan.

#### **Pegawai penguat kuasa boleh mendapatkan bantuan untuk memeriksa benda yang berkaitan dengan kesalahan**

35. Seseorang pegawai penguat kuasa boleh mendapatkan bantuan seseorang yang berkelayakan untuk memeriksa mana-mana kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita atau ditahan di bawah Enakmen ini jika orang itu mempunyai kelayakan yang perlu untuk memeriksa kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu bagi maksud sesuatu penyiasatan di bawah Enakmen ini.

**Kuasa untuk mengambil sampel**

36. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh meminta, memilih, mengambil atau mendapatkan sampel mana-mana kayu bagi maksud analisis tanpa bayaran daripada mana-mana orang yang menanam, mengeluarkan, menjual atau yang memiliki kayu itu atau ejen atau pekhidmatnya yang daripadanya sampel itu didapatkan.

(2) Tatacara bagi pengambilan dan berurusan dengan sampel hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.

**Kuasa Pengarah untuk menghendaki maklumat mengenai kayu, dsb.**

37. (1) Pengarah boleh melalui notis bertulis menghendaki mana-mana orang yang mengusahakan apa-apa aktiviti yang melibatkan kayu untuk memberi Pengarah, dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu, maklumat yang berhubungan dengan kayu.

(2) Mana-mana orang yang tidak memberikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan kayu sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Kuasa tambahan**

38. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Enakmen ini, mempunyai kuasa untuk melakukan segala atau mana-mana daripada perbuatan yang berikut:

(a) menghendaki pengemukaan rekod, akaun dan dokumen daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Enakmen ini dan meneliti, memeriksa dan membuat salinan mana-mana rekod, akaun dan dokumen itu;

(b) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Enakmen ini; atau

(c) membuat apa-apa siasatan sebagaimana yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Enakmen ini telah dipatuhi.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Pelantikan juruanalisis**

39. Pengarah boleh melantik mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi seorang juruanalisis bagi maksud menjalankan suatu analisis terhadap mana-mana kayu dan untuk memperakui gred, spesies, saiznya dan apa-apa spesifikasi yang berhubungan dengan kayu.

### **Perakuan analisis**

40. (1) Suatu perakuan analisis yang ditandatangani oleh seseorang juruanalisis hendaklah, apabila dikemukakan oleh Pengarah dalam mana-mana perbincangan di bawah Enakmen ini, menjadi keterangan yang mencukupi mengenai fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu melainkan jika tertuduh menghendaki supaya juruanalisis itu dipanggil sebagai seorang saksi yang, dalam hal itu dia hendaklah memberikan suatu notis bertulis kepada Pengarah tidak kurang daripada tiga hari bekerja sebelum permulaan perbincangan itu.

(2) Jika Pengarah berhasrat untuk memberikan apa-apa perakuan yang disebut dalam subseksyen (1) sebagai keterangan, ia hendaklah menyerahkan suatu salinan perakuan itu kepada tertuduh tidak kurang daripada sepuluh hari bekerja sebelum permulaan perbincangan itu.

## **BAHAGIAN V**

### **PELBAGAI**

#### **Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

41. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah

Enakmen ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian –

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersejajarnya dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah terhadap kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan –
  - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, persetujuannya atau pembiarannya; dan
  - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah pencegahan yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang boleh di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja kepada ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan –

- (a) oleh pekerja orang itu dalam perjalanan pekerjaannya;
- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam masa perjalanan pekerjaannya dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu yang bertindak bagi pihak orang itu.

**Penalti am**

42. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Pengkompaunan kesalahan**

43. (1) Pengarah boleh mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini dan yang ditetapkan menjadi suatu kesalahan boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Pengarah suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran yang dibuat di bawah subseksyen (1) itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran mengkompaun kesalahan itu dibuat dan apa-apa kayu, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini yang berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Pengarah, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan mengikut syarat kompaun itu.

**Pendakwaan**

44. Tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

**Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang**

45. Tiada tindakan boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap –

- (a) Pengarah, pegawai hutan atau pegawai penguat kuasa; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau kerana atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa sebagai dilakukan oleh orang itu di bawah perintah, arahan atau petunjuk Pengarah, pegawai hutan atau pegawai penguat kuasa,

jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan kepercayaan yang munasabah bahawa ia adalah perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai olehnya dan bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini.

**Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

46. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Pengarah, mana-mana pegawai hutan atau mana-mana pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah seksyen 14 berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati, atas sifat yang sedemikian.

**Perlindungan pemberi maklumat**

47. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3), tiada saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah menurut Enakmen ini boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk menzahirkan nama atau alamat pemberi maklumat atau isi dan jenis maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan dia diketahui.

(2) Jika mana-mana buku, rekod, akaun, dokumen atau data berkomputer yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana jua prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa entri yang menamakan atau memerihalkan mana-mana pemberi maklumat atau yang mungkin menyebabkan dia diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan semua entri sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam sesuatu perbicaraan bagi mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini mahkamah, selepas siasatan penuh tentang kes itu, berpendapat bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam mana-mana prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa pemberi maklumat itu diketahui, mahkamah boleh menghendaki pengemukakan aduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran sepenuhnya tentang pemberi maklumat itu.

### **Ganjaran kepada pemberi maklumat**

48. Pengarah boleh mengarahkan supaya ganjaran sebagaimana yang difikirkannya patut dibayar kepada pemberi maklumat bagi perkhidmatan, maklumat, pernyataan atau bantuan berkenaan dengan pengesanan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.

### **Kuasa untuk mengecualikan**

49. (1) Menteri boleh, jika didapatinya selaras dengan maksud Enakmen ini, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana orang, golongan orang atau apa-apa aktiviti berhubung dengan kayu daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini bagi apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan oleh Menteri dan Menteri boleh mengubah atau menambah syarat-syarat yang ditentukan sedemikian.

(2) Menteri boleh, pada bila-bila masa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) jika dia berpuas hati bahawa pengecualian itu tidak lagi diperlukan.

### Peraturan-peraturan

50. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang suai manfaat atau perlu bagi menjalankan peruntukan Enakmen ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan –

- (a) untuk menetapkan semua perkara berhubungan dengan pendaftaran di bawah Enakmen ini;
- (b) untuk menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun dan borang-borang yang hendaklah digunakan dalam, dan kaedah dan tatacara bagi, mengkompaun kesalahan itu;
- (c) untuk menetapkan tatacara bagi pengambilan, penganalisan dan pengurusan sampel;
- (d) untuk menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti dan borang yang hendaklah digunakan dalam pengeksportan atau pengimportan kayu;
- (e) untuk menetapkan tatacara bagi pengiktirafan, pemerakuan dan pengendorsan berhubungan dengan perindustrian kayu;
- (f) untuk menetapkan tatacara bagi perkhidmatan penentusahan kayu bagi mana-mana orang yang memohon apa-apa perkhidmatan nasihat teknikal dan penentusahan kayu;
- (g) untuk menentukan standard pemprosesan dan cara mengeringkan, mengawet, membendela atau mengemas siap kayu;
- (h) untuk mengadakan peruntukan bagi menyenggara standard yang sepatutnya mengenai kelakuan dalam menjalankan perdagangan kayu dan bagi menguruskan pelanggaran terhadapnya;
- (i) untuk menetapkan fi dan caj yang dikenakan di bawah Enakmen ini; dan



- (j) untuk segala perkara dan benda yang dikehendaki atau diberi kuasa oleh Enakmen ini untuk ditetapkan atau diperuntukkan bagi menjalankan atau melaksanakan sepenuhnya peruntukan Enakmen ini.

(3) Mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini boleh memperuntukkan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh memperuntukkan penalti denda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Pindaan Jadual**

51. Menteri boleh, selepas berunding dengan Pengarah, meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

## **BAHAGIAN VI**

### **KECUALIAN DAN PERALIHAN**

#### **Kecualian dan peralihan**

52. (1) Tiap-tiap orang yang, sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini, telah didaftarkan di bawah Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Diperbadankan) 1973 [*Akta 105*] hendaklah disifatkan telah didaftarkan di bawah Enakmen ini sehingga tarikh habis tempoh pendaftarannya dan tertakluk pada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang dikenakan kepadanya.

(2) Tiap-tiap perakuan yang menurut kuasanya seseorang disifatkan, di bawah subseksyen (1) didaftarkan di bawah Enakmen ini hendaklah disifatkan telah dikeluarkan di bawah Enakmen ini; dan Pengarah boleh mengubah syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang dikenakan kepada perakuan itu bagi maksud menyelaraskannya dengan Enakmen ini.

(3) Seksyen 10 yang berhubungan dengan pembatalan pendaftaran hendaklah terpakai bagi semua orang yang disifatkan, di bawah subseksyen (1), didaftarkan di bawah Enakmen ini.

(4) Jika seseorang yang disifatkan, di bawah subseksyen (1), didaftarkan di bawah Enakmen ini berhasrat untuk didaftarkan di bawah Enakmen ini, selepas habis tempoh yang baginya dia disifatkan didaftarkan di bawah Enakmen ini, dia boleh memohon kepada Pengarah untuk didaftarkan di bawah seksyen 6, dan permohonannya hendaklah dibuat dan dianggap sebagai suatu permohonan baru dan bukan sebagai suatu permohonan untuk memperbaharui pendaftaran.

(5) Mana-mana daftar yang disimpan dan disenggarakan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, disifatkan sebagai daftar yang disimpan dan disenggarakan di bawah seksyen 11 dan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada daftar itu.

---

## JADUAL

[Seksyen 2]

### TAKRIF KAYU

#### *Keluaran Kayu*

Panel parket terpasang

Bambu

Rebung

Kulit kayu

Tahang

Papan baten

Keluaran biokomposit

Papan bongkah

Palet kotak

Briket

Penyapu

Berus badan serta pemegang

*Keluaran Kayu - (samb.)*

Gelendong kabel

Kotak barang kemas atau pisau, sudu, garpu dan barang serupa yang diperbuat daripada kayu

Tong kayu

Papan partikel bersimen

Kayu arang

Batang kelapa

Keranda

Tong kayu

Kayu kord

Venir teras

Gabus, produk berasaskan kulit kayu

Kret

Kayu tumpat

Pintu

Bingkai pintu

Lapisan kulit pintu

Penyumbat cemat/penetap

Tong dram

Alas, reja kayu

Pewarna

Papan gentian

Papan tatal

Balak segi

Buah-buahan

Kayu api

Perabot

*Keluaran Kayu - (samb.)*

Bahagian perabot  
Minyak gaharu  
Kayu gaharu/kayu cendana  
Kayu lamina  
Kayu kasar (kayu tatal, tepung kayu)  
Kraftangan  
Papan gentian keras  
Kayu tarah  
Papan gentian ketumpatan tinggi  
Madu  
Kayu gelang  
Racun serangga  
Tanggam  
Colok  
Papan berlamina  
Tiang berlamina  
Papan venir berlamina  
Lateks  
Papan muatan  
Kayu balak  
Papan gentian ketumpatan rendah  
Kayu empulur  
Papan gentian ketumpatan sederhana  
Kayu kumai  
Batang nibong  
Batang kelapa sawit  
Papan bebenang terhala  
Barang-barang lain daripada kayu

*Keluaran Kayu - (samb.)*

Blok simpan barang

Kotak simpan barang

Palet

Kolar palet

Kertas

Bungkah partikel

Papan partikel

Pancang

Bingkai gambar

Cerucuk

Kayu ketam

Papan lapis

Kayu jaras

Bangunan pasang siap, diperbuat daripada kayu

Kayu landasan keretapi

Rotan

Damar

Venir putaran

Kayu getah

Gula nipah

Habuk gergaji

Kayu gergaji

Kayu wangi (Gaharu)

Serpihan

Biji benih

Rekah

Sirap/Genting kayu

Kayu sendal sementara

*Keluaran Kayu - (samb.)*

Venir hirisan

Patung kayu dan barang perhiasan kayu

Pinggan mangkuk dan perkakas dapur, yang diperbuat daripada kayu

Atap jerami

Alat

Tab

Pelarik

Tong wain

Panel venir

Papan wafer

Tingkap

Bingkai tingkap

Serpai kayu

Corak tatahan kayu dan kayu bertatah

Kayu partikel

Pulpa kayu

Sisa kayu

Cuka kayu

Kayu tatal

Papan serpai

Kotak kayu

Pagar kayu

Kayu lantai

Pemegang kayu

Kayu kekisi bersilang

Kayu

Mainan kayu

Komposit kayu plastik

DIPERAKUKAN oleh saya sebagai salinan Rang Undang-Undang yang tulen yang telah diluluskan oleh Majlis Dewan Undangan pada hari Khamis, 16 April 2015.

DATUK SERI PANGLIMA DR. SALLEH TUN SAID,  
*Speaker,*  
*Dewan Undangan Negeri.*





FOREST (TIMBER) ENACTMENT 2015

---

ARRANGEMENT OF SECTIONS

---

PART I  
PRELIMINARY

*Section*

1. Short title and commencement
2. Interpretation

PART II  
FUNCTIONS AND POWERS

3. Functions and powers of the Director
4. Power to delegate

PART III  
REGULATION OF THE TIMBER INDUSTRY

5. Prohibition against carrying out activities without registration
6. Application for registration
7. Registration and refusal of registration
8. Power to impose additional conditions or to vary conditions
9. Renewal of registration
10. Cancellation of registration
11. Register
12. Duty to declare
13. Presumption as to export

PART IV  
ENFORCEMENT

14. Appointment of enforcement officers
15. Power of investigation
16. Authority card
17. Power of arrest
18. Search and seizure with warrant
19. Search and seizure without warrant
20. Power to enter premises or conveyance
21. Access to computerized data

(ii)

*Section*

22. Power to stop, examine and seize conveyances
23. List of timber, machinery, contrivance, *etc.*, seized
24. Temporary return of conveyance, *etc.*, seized
25. Sale and disposal of timber seized
26. Release of timber, *etc.*, seized
27. No costs or damages arising from seizure to be recoverable
28. Cost of holding timber, *etc.*, seized
29. Obstruction
30. Power to require attendance of persons acquainted with case
31. Examination of persons acquainted with case
32. Admissibility of statements in evidence
33. Forfeiture of timber, *etc.*, seized
34. Property right in forfeited timber, *etc.*
35. Enforcement officer may seek assistance to examine things related to offence
36. Power to take sample
37. Power of the Director to require information on timber, *etc.*
38. Additional powers
39. Appointment of analyst
40. Certificate of analysis

PART V

MISCELLANEOUS


41. Offences by body corporate
42. General penalty
43. Compounding of offences
44. Prosecution
45. Protection against suit and legal proceedings
46. Public Authorities Protection Act 1948
47. Protection of informers
48. Reward to informers
49. Power to exempt
50. Regulations
51. Amendment of Schedule

PART VI

SAVINGS AND TRANSITIONAL

52. Savings and transitional

SCHEDULES



**STATE OF SABAH**

I assent,

LS

TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR  
HAJI MAHIRUDDIN,  
*Yang di-Pertua Negeri.*

**No. 2 of 2015**

30 APRIL, 2015.

An Enactment to provide for registration of activities relating to timber industry in the State of Sabah and for matters connected therewith.

ENACTED by Legislature of the State of Sabah as follows:

**PART I  
PRELIMINARY**

**Short title and commencement**

- (1) This Enactment may be cited as the Forest (Timber) Enactment 2015.
- (2) This Enactment comes into operation on a date to be appointed by the Minister by notification in the *Gazette*.

**Interpretation**

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires –

“Director” has the meaning assigned to it in section 2 of the Forest Enactment 1968 [*No. 2 of 1968*];

“export” means to take or cause to be taken out of Sabah, by land, sea or air or to place any timber in a vessel, barge, conveyance or aircraft for the purpose of the timber being taken out of Sabah by land, sea or air;

“exporter” means a person who exports timber;

“forest officer” has the meaning assigned to it in section 2 of the Forest Enactment 1968;

“Government” means the State Government of Sabah;

“import” means to bring or cause to be brought any timber into Sabah, by land, sea or air but does not include *bona fide* transit of timber and transshipment of timber;

“importer” means a person who imports timber;

“jetty” means any area or place, whether on land or sea, from which timber may be directly removed for shipment, or for receiving or unloading imported timber;

“jetty operator” means a person who operates a jetty who is involved in any activity relating to the exportation or importation of timber;

“Minister” means the Minister charged with the responsibility for natural resources;

“licence”, in relation to the exportation or importation of timber, means a certificate of approval issued by the Director;

“premises”, in relation to timber, means any place, whether open or enclosed or whether on land or sea or whether movable or immovable and includes any house, mill, shop, store, room, hall, shed, container, jetty, yard, estate, farm, warehouse, port or airport;

“proper officer of customs” has the meaning assigned to it in section 2 of the Customs Act 1967 [*Act 235*];

“supplier” means a person who supplies timber for the purpose of export;

“timber” means the products, or any of the products, listed in the Schedule;

“timber industry” means any activity which involves trade, processing, manufacturing and production of timber.

## PART II

### FUNCTIONS AND POWERS

#### **Functions and powers of the Director**

3. The Director shall have the following functions and powers:
- (a) to implement control and monitor export and import of timber;
  - (b) to gather information on, and maintain records of all relevant matters relating to, the timber industry;
  - (c) to carry out research, review and investigation, that are beneficial or appropriate to the carrying out of his functions;
  - (d) to issue licences, certificates and approvals in respect of the timber industry;
  - (e) to keep and maintain the register;
  - (f) to impose fees or charges; and
  - (g) to do all things expedient and necessary for or incidental to the performance of his functions and powers under this Enactment.

#### **Power to delegate**

4. (1) The Director may in writing delegate any of his functions or powers subject to such conditions, limitations or restrictions as he thinks fit, to any forest officer, and such person to whom the functions or powers is delegated shall perform the functions and powers in the same manner and with the same effect as if the functions or powers had been conferred on him under this Enactment.

(2) A person purporting to act pursuant to a delegation made under this section shall, in the absence of proof to the contrary, be presumed to be acting in accordance with the terms of the delegation.

(3) A delegation made under this section may at any time be revoked by the Director.

(4) A delegation made under this section shall not preclude the Director himself from carrying out at any time the delegated functions or powers.

### PART III

## REGULATION OF THE TIMBER INDUSTRY

### **Prohibition against carrying out activities without registration**

5. (1) No person shall carry on any activity relating to timber industry as –

- (a) an exporter;
- (b) an importer;
- (c) a supplier; or
- (d) a jetty operator,

unless he is registered in accordance with this Enactment.

(2) Any person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

### **Application for registration**

6. (1) An application for registration under this Enactment shall be made to the Director in the prescribed manner.

(2) Every application under subsection (1) shall be accompanied by the prescribed fee and such documents and information as maybe specified by the Director.

(3) The Director may, in writing, at any time after the receipt of an application under subsection (1), request the applicant to give to the Director

within the period specified in the request, additional information, particulars or document on the application.

(4) If any additional information, particulars or document required under subsection (3) is not given by the applicant within the period specified in the request or any extension of time granted by the Director, the application shall be deemed to be withdrawn and shall not be further proceeded with, but without affecting the right of the applicant to make a fresh application.

### **Registration and refusal of registration**

7. (1) Upon receipt of an application made under section 6 and after given due consideration, the Director may –

- (a) register the applicant and issue a certificate of registration to the applicant in such form as prescribed by the Director; or
- (b) refuse the application.

(2) The certificate of registration may be issued subject to such conditions as the Director thinks fit to impose.

(3) Where the Director refuses the registration of application in pursuance of subsection (1), he shall inform the applicant by a written notice that the application has been refused and the reasons for the refusal.

(4) Every registration under this section shall be valid for a period of one year, or for such longer period but not exceeding five years as the Director may determine, from the date of registration and may be renewable, unless sooner cancelled under section 10, at the discretion of the Director for such further period of not less than one year but not exceeding five years as the Director thinks fit.

(5) No person who is not an incorporated person shall be registered under this section unless there is in respect of his business a valid certificate of registration of business issued under any written law in force in Malaysia relating to the registration of businesses.

(6) Any person who carry on any activity relating to timber industry without registration in pursuance to paragraph (1) (a) commits an offence

and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

### **Power to impose additional conditions or to vary conditions**

8. The Director may, at any time –

- (a) impose any additional condition on the registration of timber industry; or
- (b) vary any of the conditions imposed on the registration of timber industry.

### **Renewal of registration**

9. (1) Any registered person may make an application for the renewal of a registration not later than sixty days before the expiry date of the registration in the manner and form as may be determined by the Director and the application shall be accompanied with the prescribed renewal fee and such documents as may be required by the Director, but no application for renewal shall be allowed where the application is made after the expiry date of the registration.

(2) When renewing the registration, the Director may vary the conditions imposed upon the issuance of the certificate of registration or impose additional conditions.

(3) The Director may refuse to renew a registration if the registered person –

- (a) has contravened any provision of this Enactment or any regulations made under this Enactment;
- (b) has breached any condition in the certificate of registration; or
- (c) has been convicted of an offence under this Enactment or any regulations made under this Enactment.

(4) Where the Director refuses to renew the registration in subsection (3), he shall inform the registered person by a written notice that the application for renewal has been refused and the reasons for the refusal.



**Cancellation of registration**

**10.** (1) Subject to subsection (2), the Director may cancel the registration of a registered person who –

- (a) has contravened any provision of this Enactment or any regulations made under this Enactment;
- (b) has breached any condition in the certificate of the registration;
- (c) has given a false representation which induced the registration;  
or
- (d) has been convicted of an offence under this Enactment or any regulations made under this Enactment.

(2) Before the cancellation of the registration under subsection (1), the Director may, by notice in writing, give the registered person an opportunity to show cause against the cancellation.

(3) Where the registration of the registered person is cancelled, the Director shall issue a notice of cancellation of registration to the registered person.

(4) A person whose registration is cancelled shall not be entitled to any compensation for any loss caused to him by the cancellation and shall not be entitled to any refund of the prescribed registration fee paid.

(5) A person whose registration has been cancelled and who continues to carry on any timber industry activity thereafter commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

**Register**

**11.** The Director shall keep and maintain a register relating to the registration under section 6 in such form and manner as may be determined by the Director.

**Duty to declare**

**12.** (1) An exporter or importer shall make a declaration to the Director in respect of timber to be exported or imported, before the exportation or importation of such timber.

(2) Any person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

### **Presumption as to export**

**13.** In relation to export, timber shall be deemed to be taken or caused to be taken out of Sabah if –

- (a) a licence or certification for its exportation has been issued by the Director;
- (b) it has been cleared by a proper officer of customs at the last customs station on its route out of Sabah;
- (c) it has been loaded onto a vessel or aircraft which is about to depart from a port or jetty in Sabah; or
- (d) it has been cleared by a proper officer of customs at an inland clearance depot or at an inland customs station on its route out of Sabah through a port or airport.

## PART IV ENFORCEMENT

### **Appointment of enforcement officers**

**14.** The Director may in writing appoint any number of enforcement officers as may be necessary for the purposes of this Enactment.

### **Power of investigation**

**15.** (1) An enforcement officer may investigate the commission of any offence under this Enactment.

(2) For the avoidance of doubt, it is declared that for the purposes of this Enactment, the enforcement officer shall have all or any of the powers of a police officer of whatever rank in relation to police investigations in seizable cases as provided under the Criminal Procedure Code [Act 593], and such

powers shall be in addition to the powers provided for under this Enactment and not in derogation thereof.

### **Authority card**

**16.** (1) The Director shall issue to each enforcement officer appointed under section 14 an authority card which shall be signed by the Director.

(2) Whenever an enforcement officer exercises any of the power of enforcement under this Enactment, he shall, on demand, produce to the person against whom the power is being exercised the authority card issued to him under subsection (1).

### **Power of arrest**

**17.** (1) An enforcement officer or police officer may arrest without warrant any person whom he reasonably believes has committed or is attempting to commit an offence under this Enactment.

(2) An enforcement officer making an arrest under subsection (1) shall without unnecessary delay make over the person so arrested to the nearest police officer or, in the absence of the police officer, take such person to the nearest police station, and thereafter the person shall be dealt with as provided for by the law relating to criminal procedure for the time being in force as if he had been arrested by a police officer.

### **Search and seizure with warrant**

**18.** (1) If it appears to the court, upon written information on oath from the enforcement officer and after such enquiry as the court considers necessary, that there is a reasonable cause to believe that –

(a) any premises or conveyance has been used or is about to be used for; or

(b) there is in any premises or conveyance evidence necessary to the conduct of an investigation into,

the commission of an offence under this Enactment, the court may issue a warrant authorizing the enforcement officer named in the warrant at any

reasonable time by day or by night and with or without assistance, to enter the premises or conveyance and if need be by force.

(2) Without affecting the generality of subsection (1), the warrant issued by court may authorize the enforcement officer to –

- (a) search the premises or conveyance for, and to seize or remove from the premises any timber, machinery, contrivance, equipment, book, record, document, computerized data or other thing that is reasonably believed to furnish evidence of the commission of such offence;
- (b) take samples of any timber, or thing found in the premises or conveyance for the purposes of ascertaining, by testing or otherwise, whether the offence has been committed; and
- (c) make copies of or take extracts from any book, record, document, computerized data or other thing found in the premises or conveyance.

(3) An enforcement officer entering any premises or conveyance under this section may take with him such other persons and equipments as may appear to him to be necessary.

(4) An enforcement officer conducting a search under subsection (1) may, for the purpose of investigating into the offence, search any person who is in or on the premises or conveyance.

(5) No person shall be searched except by another person of the same gender, and such search shall be conducted with strict regard to decency.

(6) An enforcement officer may, in the exercise of his powers under this section, if it is necessary so to do –

- (a) break open any outer or inner door of the premises or any fence, enclosure, gate or other obstruction to the premises, in order to effect entry into the premises;
- (b) remove by force any obstruction to entry, search, seizure or removal as he is empowered to effect under this section; and

- (c) detain any person found in the premises or conveyance until the search has been completed.

(7) If, by the reason of its nature, size or amount, it is not practicable to remove any timber, machinery, contrivance, equipment, book, record, document, computerized data or other thing seized under this section, the enforcement officer shall, by any means, seal such timber, machinery, contrivance, equipment, book, record, document, computerized data or other thing in the premises or conveyance in which it is found.

(8) A person who, without lawful authority, breaks, tampers with or damages the seal referred to in subsection (7) or removes any timber, machinery, contrivance, equipment, book, record, document, computerized data or other thing under seal or attempts to do so commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

### **Search and seizure without warrant**

